

## KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 22 MAC 2023  
AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 6

### Selaras sebuah agensi urus TVET



SIVAKUMAR (dua dari kiri) menyempurnakan majlis Pra-Pelancaran COSH dan SCICOSH 2023 di Kuala Lumpur semalam.

### Selaras sebuah agensi urus TVET

**KUALA LUMPUR** – Kementerian Sumber Manusia bersetuju sekiranya Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) diletakkan di bawah kementeriannya.

Menterinya, V. Sivakumar berkata, ia bagi mewujudkan satu penyelarasan yang lebih baik buat institusi-institusi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

"Kita menerima saranan yang diberikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi itu.

"Ketika ini, terdapat 12 kementerian terlibat dengan TVET yang

diselaraskan oleh Majlis TVET Negara di mana Ahmad Zahid bertindak sebagai pengerusinya," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar ketika hadir Majlis Pra-Pelancaran Persidangan dan Pameran Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (COSH 2023) dan Persidangan Saintifik Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (SCICOSH) 2023 di sini.

Ahmad Zahid mengumumkan cadangan tersebut dalam mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Belia di bangunan Parlimen kelmarin.

Sementara itu, Sivakumar mahu majikan dan pekerja bersedia untuk meningkatkan keselamatan dan kesihatan pekerjaan ekoran pengaruh megatrends dalam tempoh terdekat.

"Antara perubahan itu termasuk iklim, revolusi teknologi, demografi akibat penuaan global, proses urbanisasi, ketidakstabilan geopolitik dan peningkatan Resedaran mengenai kesihatan mental, hak asasi manusia dan alam sekitar.

"Masa depan akan lebih fokus kepada teknologi yang mengambili alih fungsi manusia," katanya.